

Majalah Picisan Pe



Oleh NIK ADZREMAN HAJI ABDUL RAHMAN dan BAHTIAR MOHAMAD

DI Malaysia, industri penerbitan majalah berkembang pesat hasil daripada permintaan yang tinggi daripada pembaca. Terdapat pelbagai bentuk, saiz, dan genre majalah di pasaran dan sesetengahnya terpaksa diberhentikan kerana tidak mendapat sambutan daripada pembaca. Kebanyakan syarikat penerbitan majalah di negara ini menjadikan cita rasa pembaca sebagai "tanda aras" kepada perkembangan perniagaan mereka.

Kebanyakan pembaca di negara ini mudah mendapatkan majalah yang diminati di gerai buku yang kebanyakannya didirikan di tepi jalan. Antara majalah berbahasa Melayu yang terdapat di pasaran ialah majalah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, antaranya *Dewan Masyarakat*, *Dewan Pelajar*, *Dewan Siswa*, dan *Dewan Budaya*, serta majalah terbitan Karangkrif seperti *Keluarga*, *Wanita*, *Nona*, *Pa & Ma*, dan *Maskulin*. Majalah seperti ini mengandungi banyak maklumat dan bimbingan kepada khalayak sasarannya.

Setiap majalah mempunyai kelompok sasaran yang tersendiri. Bagi memenuhi selera pembaca yang menggemari dunia hiburan dan bahan bacaan ringan, beberapa majalah hiburan dihasilkan seperti *URTV*, *Media Hiburan*, *Hai*, *Mangga*, *Bintang*, dan *Sensasi*. Kebanyakan majalah hiburan memaparkan kisah atau gosip kehidupan artis dan dijadikan platform oleh penerbit syarikat rakaman untuk memperkenalkan artis baharu.

Namun, sejak kebelakangan ini terdapat perubahan dalam pasaran majalah di negara ini apabila berlaku lambakan "majalah picisan". Menyingkap sejarah awalnya, majalah picisan diimport dari negara luar seperti Indonesia dan negara Barat. Majalah berkenaan bebas menerbitkan artikel yang berkisar hal seks dan tahayul secara terbuka.

Perkataan "picisan" menurut *Kamus Dewan*, 1999, adalah cerita yang rendah dari segi mutunya dan tidak mendatangkan apa-apa faedah kepada pembaca. Majalah picisan dianggap rendah moralnya dan boleh mendatangkan kesan negatif kepada corak pemikiran dan tingkah laku pembaca.

Kini, majalah picisan sedang mendominasi pasaran dan lebih laris dijual berbanding dengan majalah ilmiah yang memberi manfaat kepada pembaca. Senario yang melanda ini banyak mempengaruhi perkembangan majalah lain di pasaran.

Hakikatnya, majalah ilmiah berbahasa Melayu seperti *Dewan Masyarakat* dan *Minda* semakin sukar diperoleh di pasaran disebabkan jumlah edarannya yang terhad. Hasil temu bual penulis dengan beberapa pengedar dan penjual majalah mendapati bahawa mereka memang kurang mengedar dan menjual majalah ilmiah, sebaliknya lebih banyak menumpukan penjualan majalah yang berbentuk hiburan dan picisan.

Lebih malang lagi, majalah berbentuk berita seperti *Massa* terpaksa dihentikan operasinya kerana tidak mendapat sambutan pembaca. Beberapa majalah ilmiah lain seperti *Minda* dan *Sarina* juga mengalami nasib yang sama. Jadi, tidak mustahil majalah ilmiah yang lain akan menerima nasib yang malang pada masa hadapan.

Keadaan ini berlaku kemungkinan besar disebabkan pembaca lebih menggemari bahan bacaan picisan yang melambak di pasaran. Sebagai negara yang kian pesat membangun dan berusaha meningkatkan taraf ilmu masyarakat, seharusnya perkara ini tidak dipandang enteng.

Jika diteliti dari segi harga, tiada wujudnya perbezaan yang ketara antara majalah picisan dengan majalah ilmiah. Peningkatan harga majalah picisan mungkin disebabkan permintaan yang tinggi daripada pembaca.

Dunia pembacaan masyarakat seolah-

olah bertukar rentak daripada bentuk yang berinformasi kepada bentuk yang ringan, dan tiada pengisian jiwa dan minda. Majalah picisan sekiranya tidak dikawal berupaya menenggelamkan majalah yang sedia ada di pasaran.

Majalah picisan mula diterbitkan pada awal 1990-an yang menghidangkan kisah masyarakat. Terdapat beberapa tajuk majalah yang boleh dikategorikan sebagai picisan, antaranya *Kisah Benar*, *Rampai*, *Ekstra Pose*



Metus Virus Minda



Tentunya banyak pihak di negara ini tidak rela melihat majalah ilmiah di negara ini menemui jalan buntu sekali gus memberhentikan operasi penerbitan mereka.

bawa minda pembaca mengembara ke alam yang dianggap benar-benar berlaku di hadapan mata mereka. Hal seperti inilah yang sangat diminati oleh pembaca. Penulis tidak memaparkan identiti sebenar individu yang terlibat dalam kisah yang disampaikan itu. Hal ini demikian kerana untuk keselamatan dan mengelakkan berlakunya kepincangan dalam masyarakat.

Selain kisah berbaur seks, majalah picisan turut memaparkan secara eksklusif kisah tahayul yang cuba menyingkap dunia syaitan. Kisah sebegini turut diceritakan dengan penuh dramatik untuk memastikan pembaca dapat berkhayal dan menyelami dunia mistik yang mereka cipta. Mungkin cerita yang dipaparkan ada sedikit kebenarannya dari sumber yang ditemui, tetapi lebih banyak

ditokok tambah untuk memastikan cerita di bawah kategori tahayul ini menjadi lebih menarik minat pembaca.

Apakah sebenarnya yang bermain di minda pembaca di negara ini? Apakah pengaruh yang meracuni minda pembaca pada hari ini? Tentunya banyak pihak di negara ini tidak rela melihat majalah ilmiah di negara ini menemui jalan buntu sekali gus memberhentikan operasi penerbitan mereka. Kita juga tidak mahu masyarakat negara ini melakukan pembaziran dalam memilih bahan bacaan yang tidak berfaedah. Majalah picisan seumpama "api dalam sekam" dan "musuh dalam selimut" yang boleh membahayakan masyarakat sekarang atau generasi akan datang yang bakal menjadi pelapis kepada penjanjangan ilmu yang gemilang. **DM**

kandungan majalah picisan memaparkan "kisah benar" dan selebihnya diisi dengan slot iklan dan ruangan reaksi pembaca.

Penulis majalah picisan bijak mengolah dan menyampaikan kisah yang kononnya dianggap benar itu secara teliti dan teratur. Contohnya dalam penulisan bab seks yang dipaparkan, penulis turut menceritakan satu per satu adegan seks yang dilakukan. Penulis juga tidak segan silu menggunakan perkataan lucu yang menerangkan bahagian sulit wanita dan lelaki. Penceritaan terhadap susuk tubuh wanita dan lelaki yang menggirkan sememangnya dinanti-nantikan oleh pengemangnya.

Penceritaan yang rapi dan teratur mem-

Sosiologi, Psikologi dan Seksologi, Visi, dan Gelora Seks.

Kisah Benar merupakan majalah picisan terawal diterbitkan berbanding dengan majalah picisan yang lain. Isi kandungannya memaparkan kisah sensasi seperti lelaki yang terpedaya dengan pujuk janda kaya, dan gadis yang ternoda akibat dirogol oleh abang iparnya sendiri, kandung, ayah tiri, teman lelaki, majikan, dan ada yang dirogol secara bergilir-gilir oleh sekumpulan lelaki yang tidak dikenali. Hasil kajian dan pemerhatian yang dibuat penulis mendapati hampir 80 peratus